

27 SEP 1996

PEGAWAI YTL BERMESYUARAT BERKAITAN PERSELISIHAN TENAGA ZIMBABWE

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Para pegawai YTL Corporation Bhd tidak dapat dihubungi untuk memberikan ulasan mengenai permintaan Lembaga Bekalan Elektrik Zimbabwe (ZESA) kepada kerajaan Zimbabwe untuk membatalkan projek penswastan tenaga bernilai RM1.5 bilion, yang ditender oleh syarikat dari Malaysia itu.

"Para pegawai yang berkenaan masih lagi bermesyuarat," kata setiausaha syarikat itu apabila dihubungi.

Apabila ditanya sama ada mesyuarat itu adalah untuk membincangkan perkara tersebut, beliau menyatakan: "Lebih kurang macam itulah."

Pengarah Urusan YTL Datuk Francis Yeoh sekarang berada di luar negara, kata setiausahanya apabila dihubungi.

Menurut laporan akhbar, syarikat kemudahan awam milik kerajaan Zimbabwe telah meminta kerajaan Zimbabwe untuk membatalkan penswastan Stesen Janakuaksa Hwange kepunyaan ZESA kepada YTL berikutan lembaga tersebut tidak dimaklumkan berkaitan dengan urusan tersebut.

Laporan itu menyatakan ZESA telah menjemput tender untuk projek itu dan 19 syarikat telah mengemukakan tender mereka, tetapi hanya enam telah disenarai pendek dan YTL berada di bawah senarai selepas National Power dari Britain dan syarikat Eropah dan Amerika.

YTL minggu lepas telah menandatangani surat hasrat dengan kerajaan setiausah tetap Kementerian Pengangkutan dan Tenaga Zimbabwe P.M. Kodzwa.

Ia juga telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang dalam lawatan lima hari untuk menghadiri Sidang Kemuncak Solar Dunia.

Penswastan stesen janakuasa Hwange dijangkakan akan dikendalikan oleh Africa Power Ltd yang mana YTL memegang 51 peratus ekuiti. -- BERNAMA

JR RIF MA